

Kertas Bil. 9/2022



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR
(*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE
MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR*
(JPK-SAS)
BERHUBUNG PROJEK PEMBANGUNAN LOJI
RAWATAN AIR SUNGAI RASAU**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Keterangan	
	3.1 Latar Belakang	2
	3.2 Fakta	3
4	Penemuan Jawatankuasa	16
5	Saranan Jawatankuasa	17
6	Perakuan	18
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	19
	Urus setia	19
	Lampiran 1 (Senarai Saksi)	20

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR
SELANGOR BERHUBUNG
PROJEK PEMBANGUNAN LOJI RAWATAN AIR SUNGAI RASAU
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2022 pada 14 Mac 2022 hingga 25 Mac 2022.

2. LATAR BELAKANG

2.1. JPK-SAS telah mengadakan Pendengaran Tertutup pada 12 Januari 2022 berkenaan perkembangan terkini pembinaan Loji Air Sungai Rasau. Sesalinan saksi untuk setiap agensi dilampirkan sebagai **Lampiran 1:-**

2.1.1. Air Selangor

2.1.2. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

2.1.3. Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

2.1.4. Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)

2.1.5. Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)

2.2. JPK-SAS juga telah mendapatkan maklumat tambahan mengenai Garis Masa bagi Pengambilan Tanah bagi projek Skim Sungai Rasau daripada Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PDT Klang), Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PDT Petaling), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDT Kuala Langat) dan Pejabat Daerah dan Tanah Sepang (PDT Sepang). Berikut adalah butiran maklum balas:-

2.2.1. PDT Klang melalui surat bertarikh 25 Januari 2022, Nombor rujukan Bil. (23) dlm.PDTK/T/PT/600-2/25/2021-1.

2.2.2. PDT Petaling melalui emel bertarikh 24 Januari 2022.

2.2.3. PDT Kuala Langat melalui emel bertarikh 21 Januari 2022.

2.2.4. PDT Sepang melalui surat bertarikh 27 Januari 2022, Nombor rujukan PDS(T)1/D/600-8/10-9.

2.3. Ahli Jawatankuasa yang terlibat ialah:

2.3.1. Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(ADN Kawasan Subang Jaya)

2.3.2. Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran)

2.3.3. Y.B. Tuan Mohd Fakhrolrazi bin Mohd Mokhtar
(ADN Kawasan Meru)

2.3.4. Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang)

2.3.5. Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George
(ADN Kawasan Sentosa)

2.3.6. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik)

2.3.7. Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali)

3. KETERANGAN

3.1. Latar Belakang

3.1.1. Semasa pendengaran Jawatankuasa pada 19 Mei 2020, Air Selangor memaklumkan antara perancangan untuk meningkatkan margin rizab air adalah melalui pembangunan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Rasau.

3.1.2. Semasa lawatan Jawatankuasa ke LRA Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) pada 27 Julai 2020, Air Selangor memaklumkan pembinaan LRA Sungai Rasau dijangka siap pada tahun 2024. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pembinaan LRA Sungai Rasau juga dapat mengelakkan gangguan bekalan air di Wilayah Klang dan Wilayah Petaling sekiranya berlaku pemberhentian operasi LRA SSP1, SSP2, dan SSP3.

3.1.3. Semasa pendengaran Jawatankuasa pada 12 Januari 2022 berkenaan perkembangan terkini pembinaan Loji Rawatan Air

Sungai Rasau bersama wakil dari pihak Air Selangor, Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (Makro, UPEN), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Jawatankuasa mendapati terdapat beberapa cabaran dalam usaha pembinaan LRA Sungai Rasau yang perlu ditangani segera oleh pihak Kerajaan Negeri.

3.2. Fakta

3.2.1. Air Selangor

- i) Objektif utama Skim Bekalan Air Rasau adalah untuk meningkatkan rizab bekalan air terutamanya di Wilayah Klang. Rizab bekalan air di Klang dijangka menurun ke paras 1.9% pada hujung tahun 2024. Projek ini dijangka mampu meningkatkan rizab bekalan air di Klang sehingga 20.9% pada Januari 2025.
- ii) Projek pembangunan Skim Bekalan Air Rasau juga dapat mengurangkan risiko gangguan bekalan air di Wilayah Klang disebabkan henti tugas LRA SSP1, 2 dan 3 kerana bekalan air tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada Skim Sungai Selangor tetapi 55% bekalan air akan disalurkan daripada Skim Sungai Rasau manakala 45% akan dibekalkan daripada Skim Sungai Selangor.
- iii) Berikut adalah maklumat asas berkenaan Skim Bekalan Air Rasau:-

Pengenalan **SKIM BEKALAN AIR RASAU**



Muka Surat 15

- iv) Suatu kelebihan Skim Bekalan Air Rasau adalah kegunaan konsep *Off-River Storage* (ORS) yang menggabungkan hasil

daripada abstraksi air mentah dari Sungai Klang dan Sungai Rasau bersama-sama beberapa kolam bekas perlombongan. Kualiti air mentah yang dihantar untuk dirawat lebih terjamin jika terdapat penghentian pengepaman dari sungai apabila kualiti air didapati kurang baik. Tambah lagi, abstraksi air melalui kolam-kolam juga penting memandangkan LRA Sungai Rasau terletak di bahagian *downstream* dan oleh itu berbeza dengan LRA lain yang biasanya dibina di *upstream*. Proses abstraksi melalui kolam memberi operator air kawalan terhadap kualiti air loji berkenaan. Berikut adalah pandangan dari atas susun atur kolam-kolam berkenaan dan tapak loji rawatan.



- v) Selain itu, Jawatankuasa juga difahamkan bahawa rekabentuk Loji Rawatan Air Sungai Rasau juga merangkumi teknologi ozone, yang akan membantu dari segi penapisan bau. Penambahan teknologi ini dijangka dapat meningkatkan kebolehtahanan LRA tersebut terhadap pencemaran.
- vi) Jumlah maksima isipadu air 10 kolam tersebut adalah 95 juta meter kubik. Walau bagaimanapun, abstraksi air hanya boleh dilakukan sehingga kedalaman 10m. Ini adalah untuk mengelakkan ketidakstabilan tanah bagi pembangunan di sekeliling. Oleh itu, jumlah isipadu air yang boleh digunakan adalah kurang daripada 95 juta meter kubik. Jika tiada hujan, kolam-kolam tersebut dijangka dapat membekalkan air selama 30 hari. Berikut adalah butir-butir terperinci setiap kolam:-

LAMPIRAN 2 : Senarai kolam *Off River Storage* (ORS) yang akan dibangunkan beserta jumlah kapasiti bagi setiap ORS

RASAU PONDS (ORS) Capacity Information

Main reference: *Feasibility Study on the Development of Sg. Rasau Water Supply Scheme (UPEN)*
Reviewed by : Air Selangor Owner's Engineer, SMHB Sdn. Bhd.

Sources of Raw Water

1. The source of raw water for the existing Sg. Rasau Ponds is Sg. Klang, Sg. Rasau and Sg. Air Hitam (A). Sg. Rasau and Sg. Air Hitam (A) feed the ponds directly, whereas diversion and pumping will be required for augmentation from Sg. Klang. **Table 1** summarizes the details of the Sg. Rasau Ponds.


Table 1: Summary of Pond Details

Pond ID	Maximum Depth (m)	Top Surface Area (ha)	Total Volume (MCM)
1A	17	12.4	1.0
1B	41	102	14.0
2	28	25.2	4.0
3	45	67.6	18.1
4A	14	19	1.4
4B	17	28.8	1.9
5	49.5	185	48.1
6	16	33.1	4.1
7	17	15.4	1.3
8	17	13	1.1
Total	-	501.5	95.0

Yield of Existing Sg. Rasau Ponds with and without Sg. Klang

2. The yield assessment for the existing ponds was performed assuming that all the ponds are inter-connected; Sg. Rasau and Sg. Air Hitam (A) discharge directly into the ponds and excess water is evacuated through the pond outlets. The (10m) depths of ponds were assumed in the yield assessment.

- vii) Air Selangor sedang dalam proses penilaian tender bagi projek pakej 1, yang dijangka dianugerahkan pada hujung Januari / awal Februari 2021. Bagi projek pakej 2 dan 3, proses penganugerahan tender kepada kontraktor yang berjaya telah selesai. Butir-butir pembahagian pakej dan skop kerja setiap pakej adalah seperti berikut:-



SKOP KERJA **PAKEJ 1**

1. Muka Sauk Rasau (Peralatan Pengepaman dan M&E hanya untuk Peringkat 1);
2. Stesen Pengepaman Air Mentah berkapasiti 750 JLH;
3. 2 x 2400mm paip pengepaman air mentah daripada muka sau Rasau ke Loji Rawatan Air (LRA) Rasau.
4. LRA berkapasiti 700 JLH;
5. Clear Water Tank;
6. Discharge Pipe;
7. Residual Treatment Facility and Depository Area;
8. Bangunan Pentadbiran; dan
9. Kuarters Pekerja.

Muka Surat | 10



SKOP KERJA **PAKEJ 2**

1. Stesen Pengepaman Air Terawat berkapasiti 700 J/LH;
2. 2 x 2100mm paip pengepaman air terawat sepanjang 42km dari stesen pengepaman ke Kolam Air Bukit Lipat Kajang (Klang);
3. Paip agihan air terawat bergarispusat 1500mm sepanjang 18km daripada Kolam Air Bukit Lipat Kajang ; dan
4. Lain- lain kerja yang berkaitan.

Muka Surat | 11



SKOP KERJA **PAKEJ 3**

1. Kolam Imbangan Rasau (baharu) berkapasiti 23 J/L;
2. Stesen Pam Rasau ke Kolam Air Rasau Paras Tinggi ;
3. Kolam Air Rasau paras tinggi berkapasiti 45 J/L;
4. Kerja-kerja penyambungan paip agihan:
 - Jalan Sg. Jati (600mm) - 3.5km
 - Jalan Raja Nong (600mm) - 1.5km
 - ke Bayu Perdana (1300/1000/800/600mm) - 3.7km
 - Jalan Persiaran Selangor, Seksyen 16, Shah Alam (1100mm)- 1km
 - Jalan Meru/Shapadu Highway (1000mm) - 0.01km

Muka Surat | 12

Penganugerahan Kontrak Pakej 2 dan 3 adalah seperti berikut:-

(a) Pakej 2

- Tarikh Penganugerahan Kontrak: 14 Disember 2021
- Harga Kontrak: RM602,429,000.00
- Kontraktor: Tailworks Corporation Berhad

(b) Pakej 3

- Tarikh Penganugerahan Kontrak: 1 Disember 2021
- Harga Kontrak: RM293,861,748.36
- Kontraktor: Tailworks Corporation Berhad

viii) Jangkaan siap projek pembangunan LRA Sungai Rasau adalah kekal iaitu pada tahun 2024. Ia tidak terjejas dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menjangkakan projek bagi ketiga-tiga pakej dapat diselesaikan serentak bagi memastikan Loji Air Sungai Rasau dapat beroperasi pada waktu yang telah dirancang dengan syarat isu "sourceworks" dengan Kerajaan Persekutuan dapat diselesaikan mengikut garis masa.

ix) Berikut adalah garis masa penuh projek dari permohonan kebenaran merancang serta pengambilan tanah:-

Lampiran 3a : Garis Masa Penuh Projek Termasuk Dari Permohonan Kebenaran Merancang Serta Pengambilan Tanah

LAMPIRAN 3b : Garis masa bagi pengambilan tanah												
CARTA PERBATUAN PENGAMBILAN BALIK TANAH BAGI DAERAH PETALING, SEPANG, KUALA LANGAT DAN KLANG												
PENGAMBILAN PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD												
2021												
2022												
NO.	PERKARA	HARGA	TINDAKAN	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
1	TERIMA PERMOHONAN	-	PEMBANGUNAN			4						
2	PENYEDIAAN KERTAS RINGKASAN TERMAKSI LUPORAN		PEMBANGUNAN			4-6-13/8						
3	PENGHANTARAN KERTAS PERTIMBANGAN	1	PEMBANGUNAN				13					
4	ULASAN UPEN / JAWATANKUASA PENGAMBILAN	14	PTGS				15-31					
5	KELULUSAN YAB MB	7	MB					1-7				
6	PEWARTAAN SEKSYEN 4	14	PNS					5-24				
7	PEWARTAAN SEKSYEN 8 APT	14	PNS					27/9-2/10				
8	KELULUSAN BORANG I	7	PTGS					29-10-5/11				
9	PENYEDIAAN BORANG E.F. I DAN K	14	ADO/PT					1/10-12/11				
10	BENGKEL PENGAMBILAN BALIK TANAH	2	PEMBANGUNAN					1-10				
11	ENDOSAN BORANG D	14	PENGAFTARAN					1-15				
12	ULASAN MPKL (PERANCANGAN PEMBANGUNAN)	14	MPKL									
13	LAWATAN TAPAK BERSAMA P.D.T. T.N.B. MPKL DAN JPPH	10	SEMUA									
14	PENGHANTARAN NOTIS / AR REGISTER	14	P / O									
15	SIASATAN PERTAMA (BORANG I) (Boleh Memasuki Tapak)	5	SEMUA									
16	ENDOSAN BORANG K DAN SEMAKAN CUKAI	14	PENGAFTARAN						10-21			
17	MESYUARAT PENYELARASAN PENTADBIR TANAH/PTGS/JPPH	1	PEMBANGUNAN									
18	SIASATAN KEDUA	7	SEMUA							3-11		
19	SIASATAN KETIGA	2	SEMUA							1-10		
20	BORANG G DAN BORANG H	70	ADO / PT							1/1-31/3		
21	MAKLUM BALAS PEMILIK TANAH	70	PEMILIK							15/1-30/4		
22	BAYARAN PAMPASAN	14	BENDAHARI									
23	EDARAN CEK / EFT	14	ADO / PT								14-30/6	
24	BORANG K (Boleh Memasuki Tapak - Pakej A, 1, 2 & 3)											
25	BANTAHAN		ADO/PT									
26	PENYEDIAAN HAK MILIK SAMBUNGAN/ PENGEMASKINIAN MAKLUMAT		ADO/PT									

Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Indeks Kualiti Sungai bagi Sungai Klang kini berada pada Kelas III manakala *Effluent Discharge Standard* adalah pada Kelas B.

- x) Jawatankuasa juga mengambil maklum *interconnectivity* antara loji air akan mencapai 80% seawal tahun 2030 selepas selesai keseluruhan projek pembangunan LRA Sungai Rasau, LRA Langat 2 dan LRA Labohan Dagang.
- xi) Air Selangor memaklumkan projek pembangunan LRA Sungai Rasau telah mengambil kira impak bencana banjir dan memaklumkan tapak LRA akan ditambak dan platform di muka sauk juga akan ditinggikan.

3.2.2. Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri

- i) Wakil MAKRO memaklumkan pihaknya bertanggungjawab untuk menyelaras proses pengambilan tanah di daerah Klang, Kuala Langat, Petaling, dan Sepang dalam pelaksanaan projek pembangunan LRA Sungai Rasau.
- ii) Satu Jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Pemantauan Pembangunan Skim Air Sungai Rasau (*Task Force*) telah ditubuhkan untuk membincangkan isu tanah dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah dan telah bermesyuarat pada 20 April 2021 dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- iii) Seksyen MAKRO, UPEN juga merupakan wakil kerajaan negeri untuk memohon dan mendapatkan kelulusan Geran sebanyak RM1.3 Bilion daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai kerja-kerja memajukan *sourceworks* namun sehingga kini tiada maklum balas rasmi dari pihak Kerajaan Persekutuan berkenaan kelulusan permohonan tersebut. Garis masa kronologi proses permohonan geran adalah seperti berikut:-

**KRONOLOGI PERMOHONAN GERAN BAGI PROJEK PEMBANGUNAN SKIM
BEKALAN AIR RASAU (WATER SOURCE)**

Bil	Tarikh	Butiran	Catatan
1	30 September 2019	Feasibility Study On The Development Of Sg Rasau Water Supply Scheme, Selangor Darul Ehsan	Kajian siap 29 November 2020
2		Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk mendapatkan bantuan geran dari Kerajaan Persekutuan bagi membiayai kerja-kerja pembangunan sumber air di bawah Projek Skim Bekalan Air Sg Rasau. Pemberian geran untuk fasiliti yang berkaitan sumber air adalah salah satu daripada insentif yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri yang bersetuju untuk berhijrah ke rangka kerja pengawal seliaan industri air yang baru di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air, 2008 ("Akta 655"). Fasiliti kolam takungan yang berfungsi sebagai tempat tadahan dan pengumpulan air mentah, adalah sebahagian daripada fasiliti yang berkaitan dengan sumber air.	
3	12 Februari 2020	Mesyuarat Pemantauan Kewangan dan Fizikal Projek Pembangunan Bekalan Air RMKe-11 dan Sesi Pemeriksaan Permohonan Projek Rancangan Malaysia ke-12 bersama Bahagian Bekalan Air (BBA), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Kerajaan Negeri telah membentangkan status projek RMKe-11 dan cadangan permohonan projek baru termasuk Projek Skim Bekalan Air Sg Rasau.	

Bil	Tarikh	Butiran	Catatan
4	20 Februari 2020	Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan pembiayaan melalui geran Kerajaan Persekutuan untuk projek baru di bawah Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP1, RMKe-12) bagi Projek Skim Bekalan Air Sg Rasau dan Projek Pembinaan LRA Labohan Dagang Fasa 2.	
5	9 Mac 2020	Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan pembiayaan melalui geran Kerajaan Persekutuan untuk projek baru di bawah Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP1, RMKe-12) bagi Cadangan Pembinaan Barah Sg Klang dan Naiktaraf Kolam Rasau Serta Kerja-kerja Berkaitan dengan anggaran kos sebanyak RM500 juta.	
6	1 Februari 2021	Kerajaan Negeri Selangor mengemukakan permohonan pembiayaan melalui geran Kerajaan Persekutuan untuk projek baru di bawah Rolling Plan 2, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP2, RMKe-12) bagi Cadangan Pembinaan Barah Sg Klang dan Naiktaraf Kolam Rasau Serta Kerja-kerja Berkaitan dengan anggaran kos sebanyak RM500 juta.	
7	15 Februari 2021	Sesi Pembentangan Permohonan Cadangan Projek RP2, RMKe-12 Negeri Selangor	
8	25 Februari 2021	Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan pembiayaan melalui geran Kerajaan Persekutuan untuk projek baru di bawah Rolling Plan 2, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP2, RMKe-12) bagi Projek Pembangunan Skim Bekalan Air Rasau (Source works)	

Bil	Tarikh	Butiran	Catatan
		dengan anggaran kos sebanyak RM1,150 juta (kemaskini).	
9	18 Mac 2021	Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan pembiayaan melalui geran Kerajaan Persekutuan untuk projek baru di bawah Rolling Plan 2, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP2, RMKe-12) bagi Projek Pembangunan Skim Bekalan Air Rasau (Source Works) dengan anggaran kos sebanyak RM1,353 juta (kemaskini).	
10	25 Mac 2021	Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli (KASA) melalui surat telah memberikan pandangan bahawa Kerajaan Negeri Selangor layak mendapatkan geran bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan Skim Bekalan Air Rasau. Pihak KASA turut berpandangan akan wujudnya keperluan supaya pelaksanaan Skim Bekalan Air Rasau ini dibangunkan secara serentak dengan projek Loji Rawatan Air Langat 2 Fasa 2 bagi memastikan rizab margin air sentiasa berada pada tahap yang selesa, dan seterusnya dapat menjamin bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan rakyat di sekitar Lembah Klang.	
11	07 Mei 2021	Kerajaan Negeri Selangor telah meminta pihak KASA untuk membentangkan cadangan Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 Fasa 2 ini dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES).	
12	23 November 2021	Sesi <i>Roadshow</i> Pasca Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan	

Bil	Tarikh	Butiran	Catatan
		Perdana Menteri Bersama Kerajaan Negeri Selangor.	
13	25 November 2021	Pertemuan antara YAB Dato'Menteri Besar Selangor dan YB Menteri Kewangan Malaysia turut membincangkan mengenai permohonan pembiayaan Projek Rasau	
14	28 Disember 2021	Permohonan semula di bawah Rolling Plan ke 3, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP3, RMKe-12) bagi Projek Pembangunan Skim Bekalan Air Rasau (Source Works) dengan anggaran kos sebanyak RM1,353 juta.	

3.2.3. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

- i) Hasil kajian kebolehlaksanaan membangunkan Sumber Air Tambahan dari Projek Tebatan Banjir Sungai Rasau yang dilaksanakan pada tahun 2015 mendapati kawasan Projek tersebut berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber bekalan air tambahan kepada Negeri Selangor sebanyak 300 JLH dan 1,500 JLH sekiranya digabungkan dengan sumber air dari Sungai Klang.
- ii) Terdapat lima kolam bekas lombong (sedang di dalam tindakan pewartaan oleh pihak LUAS) berhampiran Sungai Rasau yang berkapasiti agak tinggi untuk bertindak secara dwi-fungsi iaitu sebagai kolam tebatan banjir dan kolam sumber air tambahan.
- iii) Hasil pensampelan dan analisa kualiti air dalam kolam-kolam yang terlibat dan Sungai Klang, Sungai Air Hitam, dan Sungai Rasau menunjukkan kebanyakan parameter kualiti air adalah mematuhi Piawaian Air Minuman Kebangsaan manakala Purata Indeks Kualiti Air adalah dalam Kelas II dan Kelas III (sedikit tercemar ke bersih).
- iv) Parameter-parameter yang tidak mematuhi Piawaian Air Minuman Kebangsaan seperti plumbum, 'Chemical Oxygen Demand' (COD), 'Biochemical Oxygen Demand' (BOD), dan ammonia boleh dirawat melalui kolam-kolam pemendapan dan juga dalam LRA.

- v) Mengenai kadar aliran air bumi di kawasan Sungai Rasau, hasil kajian Kebolehdapatan Sumber Air Bumi Negeri Selangor menunjukkan kadar aliran air yang tinggi iaitu sebanyak 61.696 JLH.
- vi) *Point intake* Sungai Klang adalah di kedudukan di antara 30 - 50 km. LUAS memaklumkan buat masa kini tiada pasukan Skwad Pantas yang beroperasi 24 jam di Sungai Klang, namun terdapat pasukan *Task Force* yang melakukan operasi 8 kali setahun bagi memastikan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan bagi menangani isu pencemaran sungai.
- vii) Buat masa ini, terdapat 6 Stesen Manual Kualiti Air di Lembangan Sungai Klang yang dibawah seliaan pihak LUAS, 31 Stesen Manual Kualiti Air dibawah seliaan Jabatan Alam Sekitar (JAS), 4 Stesen Telemetry Kualiti Air dibawah seliaan Landasan Lumayan Sdn Bhd, dan 1 Stesen Telemetry Kualiti Air (RMS Gombak) dibawah seliaan Air Selangor.
- viii) LUAS turut memaklumkan perancangan untuk meluaskan pelaksanaan dasar *Zero Discharge Policy* dan *Polluter Pays Principle* (PPP) melibatkan agensi-agensi berkaitan bagi mengatasi isu pencemaran sungai.

3.2.4. Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)

- i) Wakil dari MBSJ memaklumkan pihaknya belum menerima sebarang permohonan daripada Air Selangor dan belum melakukan perubahan dalam Rancangan Tempatan berkaitan projek pembangunan LRA Sungai Rasau. MBSJ juga memaklumkan kawasan di Kolam 1A & 1B dikelilingi projek-projek pembangunan yang pesat termasuk perumahan, yang merangkumi projek perumahan Rumah Selangorku.
- ii) MPKL memaklumkan bahawa susulan daripada Mesyuarat Pemantauan Skim Sungai Air Rasau yang diadakan pada 20 April 2021, 164 lot tanah hakmilik individu telah dikenalpasti yang akan terlibat dengan projek pembangunan. Pihak PBT dan MPKL juga telah pun mengambil kira projek pembangunan LRA Sungai Rasau dalam penetapan Rancangan Tempatan (RT) terkini.
- iii) Wakil dari MPKL memaklumkan bagi proses pengambilan tanah yang berkaitan jajaran saluran paip yang melibatkan pelbagai PBT, ianya akan dilaksanakan oleh PLANMalaysia di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan mencadangkan pemakluman awal kepada penduduk

dilaksanakan dengan kerjasama wakil rakyat, Ahli Majlis dan wakil PBT bagi memudahkan proses tersebut.

3.2.5. Maklumat tambahan daripada Pejabat Daerah dan Tanah

- i) PDT Kuala Langat telah mengemukakan maklumat garis masa bagi pengambilan tanah untuk projek Skim Sungai Rasau. Bagi pembangunan Loji Rawatan (Fasa 1) dan Paip Masuk (Fasa 2), permohonan telah pun dibuat, masing-masing pada 17 Jun 2021 dan 24 September 2021. Manakala bagi pembangunan Paip Masuk (Fasa 3) dan Paip Keluar (Fasa 4), permohonan masih belum dibuat dan dijangka terima permohonan pada bulan Februari 2022 dan Mac 2022. Proses pengambilan tanah dijangka dapat siap pada akhir tahun 2022 tanpa termasuk bantahan di Mahkamah, jika ada.
- ii) PDT Petaling juga telah mengemukakan garis masa permohonan pengambilan tanah bagi tujuan pembekalan air untuk cadangan tapak kolam takungan dan laluan paip air mentah bagi projek pembangunan Skim Air Sungai Rasau dan permohonan pengambilan tanah telah diterima pada 21 Januari 2022. Proses pengambilan tanah dijangka dapat siap pada September 2022 tanpa termasuk bantahan di Mahkamah, jika ada.
- iii) PDT Klang juga telah mengemukakan garis masa proses permohonan pengambilan tanah bagi tujuan pembekalan air iaitu cadangan tapak muka sauk bagi pembangunan Skim Bekalan Sungai Rasau dan permohonan telah pun diterima pada 24 Jun 2021. Proses pengambilan tanah dijangka dapat siap pada September 2022 tanpa termasuk bantahan di Mahkamah, jika ada.
- iv) PDT Sepang juga telah mengemukakan garis masa proses permohonan pengambilan tanah bagi tujuan tapak kolam takungan dan laluan paip air bagi pembangunan Skim Bekalan Sungai Rasau dan permohonan telah pun diterima pada 16 September 2021 bagi tapak kolam takungan manakala permohonan bagi laluan paip air telah diterima pada 2 Januari 2022. Proses pengambilan tanah secara keseluruhan dijangka dapat siap pada September 2022 tanpa termasuk bantahan di Mahkamah, jika ada.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1. Jawatankuasa mendapati Seksyen MAKRO berdepan dengan kekangan dalam memperolehi kelulusan geran daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembiayaan untuk memajukan kerja-kerja *sourceworks*. Sekiranya perkara ini tidak diselesaikan, ia bakal merencatkan garis masa pembangunan dan pengoperasian projek LRA Sungai Rasau seperti yang telah dirancang. Perkara ini menjadi semakin kritikal dengan setiap hari yang berlalu terutamanya memandangkan proses '*sourceworks*' sepatutnya bermula pada Julai 2022.
- 4.2. Jawatankuasa maklum bahawa pembangunan projek LRA Sungai Rasau masih lagi berada pada peringkat awal dan masih dalam proses untuk membuat permohonan Kebenaran Merancang, pemindaan Rancangan Tempatan serta kerja pengambilan tanah.
- 4.3. Garis masa yang dibekalkan oleh PDT-PDT berkenaan pengambilan tanah untuk jajaran paip mengandaikan tiada bantahan daripada pemilik tanah. Proses mungkin akan mengambil masa yang lebih lama jika terdapat bantahan awal direkodkan.
- 4.4. Jawatankuasa memerhati bahawa masih tiada rancangan dan persetujuan daripada pemilik stesen telemetri untuk kegunaan bersama bagi pemantauan kualiti air sungai untuk tindakan jika berlakunya pencemaran.
- 4.5. Jawatankuasa juga memerhati bahawa belum terdapat rancangan penguatkuasaan dan pemantauan pencemaran yang ketat untuk dilaksanakan selepas LRA Sungai Rasau siap dibina. Perkara ini amat diperlukan memandangkan kepadatan aktiviti di sekitar Sungai Klang.
- 4.6. Jawatankuasa mendapati Kerajaan Negeri juga masih belum membuat sebarang permohonan untukewartakan kawasan projek LRA Sungai Rasau sebagai 'Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL)' sebagai langkah awal bagi memastikan tahap pengawasannya yang tinggi setelah ia siap dibina.
- 4.7. Hasil daripada pendengaran tertutup pada 12 Januari 2022, Jawatankuasa mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Pembangunan Skim Air Sungai Rasau (Task Force) yang melibatkan kesemua pihak berkaitan baru diadakan sekali sahaja iaitu pada tarikh 20 April 2021.
- 4.8. Jawatankuasa mendapati bahawa sehingga 11 Februari 2022 iaitu Mesyuarat JPK-SAS Bil.3/2022, kontraktor masih belum dilantik bagi projek Pakej 1 LRA Sungai Rasau.

5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kepastian dan komitmen Kerajaan Persekutuan berkenaan geran RM1.3 bilion untuk membiayai kerja-kerja memajukan *sourceworks*. Perkara ini penting untuk memastikan kerja-kerja *sourceworks* adalah seiring dengan pelaksanaan projek pembangunan LRA Sungai Rasau. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang rencatan garis masa dan untuk memastikan pengoperasian LRA tersebut dapat dilaksanakan sebaik sahaja ia siap dibina.
- 5.2. Jawatankuasa mencadangkan agar bilangan kekerapan sesi mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Pembangunan Skim Air Sungai Rasau (Task Force) dapat ditingkatkan dengan kadar yang lebih optimum bagi merapatkan koordinasi antara agensi berkaitan untuk memastikan kelancaran pembangunan projek yang lebih bersepadu dan menepati garis masa yang telah dirancang.
- 5.3. Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan Negeri memulakan perbincangan dengan pemilik-pemilik stesen telemetri yang terletak sepanjang Sungai Klang untuk mewujudkan persetujuan bagi perkongsian data untuk pemantauan kualiti air dalam usaha membendung pencemaran dan tindakan yang perlu dilakukan apabila berlakunya pencemaran.
- 5.4. Memandangkan kepadatan aktiviti di sepanjang Sungai Klang yang meningkatkan kemungkinan pencemaran, Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan Negeri mula merancang penguatkuasaan dan pemantauan pencemaran yang lebih ketat yang boleh dilaksanakan sebaik sahaja LRA Sungai Rasau siap dibina.
- 5.5. Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri segera melaksanakan proses pewartaan projek pembangunan LRA Sungai Rasau sebagai '**Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL)**' mengikut Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298) kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) berikutan permohonan pewartaan mengambil tempoh masa yang agak lama selaras dengan Saranan Penyata JPK-SAS (Kertas Bil. 35 Tahun 2021) yang pernah dibentangkan sebelum ini.

6. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-SAS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2022 pada 11 Februari 2022.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Air Selangor
(JPK-SAS)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS):

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1) | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran) | Ahli |
| 3) | Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George
(ADN Kawasan Sentosa) | Ahli |
| 4) | Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar
(ADN Kawasan Meru) | Ahli |
| 5) | Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |
| 6) | Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali) | Ahli |
| 7) | Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Cik Nurul Liana Binti Musa
Penolong Pegawai Tadbir
- iv) Cik Siti Khadijah Binti Maarof
Pegawai Penyelidik
- v) Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail
Pegawai Penyelidik

Senarai saksi untuk setiap agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (AIR SELANGOR)

- 1) Tuan Ir Abas bin Abdullah
Pengarah/ Ketua Operasi Air Selangor
- 2) Tuan Ir Ainul Azhar bin Mohd Jemoner
Head of Department Planning and Capital Works

SEKSYEN MAKRO DAN PENSWASTAAN (Seksyen Makro, UPEN)

- 1) Encik Hamizam bin Abdulla Zabidi @ Ahmad Zawawi, Timbalan Pengarah
- 2) Puan Mazidah binti Ahmad Ramli, Ketua Penolong Pengarah
- 3) Encik Mohammad Hilmi bin Ismail, Penolong Pengarah

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)

- 1) Encik Nor Zamri bin Sondor, Ketua Penolong Pengarah

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)

- 1) Encik Mohd Haizi bin Harun, Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan
- 2) Encik Shaifulludin bin Yahya, Penolong Pengarah Jabatan Kejuruteraan

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT (MPKL)

- 1) Tuan TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, Timbalan Yang Dipertua